

Circular No: AG 8/2021

31 January 2021

To: **ALL MEMBERS**

Covid-19 Screening Programme for All Foreign Workers Nationwide

Further to *MEF Circular AG 48/2020* dated 29th November 2020 on the announcement by YB Datuk Seri M. Saravanan, Minister of Human Resources, on 28th November 2020 that it was compulsory for foreign workers in every sector working in Selangor, Kuala Lumpur, Labuan, Negeri Sembilan, Penang and Sabah to undergo Covid-19 RTK-Antigen swab test with effect from 1st January 2021, members are informed that YB Datuk Seri M. Saravanan has also announced on 30th January 2021 that the Covid-19 Screening for all foreign workers is mandatory. (The Media Statement of YB Datuk Seri M. Saravanan dated 30th January 2021 is attached herewith as **Appendix A**).

2. Members are advised that the mandatory Covid-19 Screening for all foreign workers is provided under the *Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342)* through Regulation 10 of the *Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within the Infected Local Areas) (No. 9) Regulations 2020* [P.U.(A) 400 dated 31st December 2020] which is effective for period from 1st January 2021 to 31st March 2021. (A copy of the Regulations [P.U.(A) 400] is attached herewith as **Appendix B**).

3. YB Datuk Seri M. Saravanan further stated that the Covid-19 Screening Programme implemented by SOCSO only for foreign workers who are holders of temporary work pass (*Pas Lawatan Kerja Sementara*) effective from 1st December 2020 has been extended nationwide starting **2nd February 2021**. The SOCSO Guidelines for RTK- Antigen Covid-19 Screening Programme for Foreign Workers is attached herewith as **Appendix C**.

4. The cost for the RTK-Antigen test kit for the first Covid-19 Screening will still be borne by SOCSO and employers are only required to pay for the cost of service charged by the private clinics or hospitals for foreign workers who are contributing to SOCSO. As for foreign workers who do not contribute to SOCSO, the cost of the tests are to be fully borne by employers. Please be informed that the cost for the second and any subsequent Covid-19 tests will be borne by employers.

5. The Covid-19 RTK-Antigen test can be done at the SOCSO panel clinics or hospitals and employers may arrange with the clinics or hospitals for the test to be conducted at the employers' premises.

6. Members are advised to refer to the list of clinics and hospitals registered as SOCSO Health Screening Panel at PSP Portal (<https://psp.perkeso.gov.my>). Members may also contact SOCSO for further enquiry via email: hsp@perkeso.gov.my or hotline 1300-22-8000 or 03-4264 5089.

Thank you.



Datuk Hj Shamsuddin Bardan
Executive Director



Minister of Human Resources

PRESS STATEMENT

**COVID-19 SCREENING PROGRAMME FOR FOREIGN WORKERS
TO BE EXTENDED NATIONWIDE**

1. Following the re-implementation of the Movement Control Order (MCO) beginning 13 January 2021 and the announcement of the Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia (PERMAI) Assistance Package by YAB Prime Minister, the Human Resources Ministry will **extend the scope of the COVID-19 Screening Programme for Foreign Workers to the rest of the country starting from 2 February 2021.**
2. The programme will be implemented by the Social Security Organisation (SOCSO) with the cooperation of private clinics nationwide. The list of clinics offering the COVID-19 screening can be obtained from the PSP Portal (<https://psp.perkeso.gov.my>).
3. The screening will utilise the RTK Antigen method that was approved by the Ministry of Health with the cost of the test kit borne by SOCSO. Employers only need to pay the service charge imposed by the clinic or hospital. SOCSO has allocated an **additional RM54 million** for the extension of the screening throughout the country.
4. **Employers, however, would have to bear the total screening cost for foreign workers who are not SOCSO contributors.**
5. The COVID-19 screening for foreign workers is made mandatory by the government through the **Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342)**. The compliance to the Act is being monitored by the Human Resources Ministry.
6. Detailed information on the programme including the list of participating clinics, will be updated through the PSP Portal (<https://psp.perkeso.gov.my>) from time to time. Any queries can be made via e-mail at hsp@perkeso.gov.my or hotline **1-300-22-8000** or 03-42645089.

YB DATUK SERI M. SARAVANAN
MINISTER OF HUMAN RESOURCES
PUTRAJAYA
30 JANUARY 2021



31 Disember 2020
31 December 2020
P.U. (A) 400

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN
PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN
JANGKITAN) (NO. 9) 2020

*PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES
(MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS)
(NO. 9) REGULATIONS 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO. 9) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 9) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Mac 2021.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi kawasan tempatan jangkitan yang diisytiharkan di bawah Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 [*P.U. (A) 87/2020*] sebagaimana yang dilanjutkan dari semasa ke semasa.

Aktiviti terlarang

3. Tiada seorang pun boleh melakukan, menganjurkan, mengusahakan atau selainnya terlibat dalam, mana-mana aktiviti terlarang yang dinyatakan dalam Jadual.

Pergerakan dan aktiviti di tempat yang tertakluk kepada perintah kawalan pergerakan bersyarat

4. (1) Pegawai diberi kuasa boleh memberikan apa-apa arahan berhubung dengan pergerakan dan aktiviti mana-mana orang di dalam suatu tempat yang tertakluk kepada suatu perintah kawalan pergerakan bersyarat.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), “perintah kawalan pergerakan bersyarat” merujuk kepada arahan yang diberikan oleh pegawai diberi kuasa di bawah subseksyen 11(3) Akta.

Larangan pergerakan ke tempat yang tertakluk kepada perintah kawalan pergerakan diperketat

5. (1) Tiada seorang pun boleh masuk ke dalam atau keluar dari suatu tempat yang tertakluk kepada suatu perintah kawalan pergerakan diperketat kecuali mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan jagaan kesihatan dan perubatan atau yang diberikan kebenaran oleh pegawai diberi kuasa.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), “perintah kawalan pergerakan diperketat” merujuk kepada arahan yang diberikan oleh pegawai diberi kuasa di bawah subseksyen 11(3) Akta.

Larangan berarak

6. Tiada seorang pun boleh dengan apa-apa cara menyertai atau terlibat dalam apa-apa perarakan.

Kawalan berhimpun

7. Seseorang boleh berhimpun atau terlibat dalam suatu perhimpunan termasuk berkumpul untuk bersembahyang di mana-mana tempat ibadat agama orang itu tertakluk kepada apa-apa arahan Ketua Pengarah yang dikeluarkan di bawah peraturan 12.

Pengangkutan awam

8. Walau apa pun jumlah kapasiti maksimum bilangan penumpang yang boleh dibawa di dalam mana-mana pengangkutan awam darat, laut atau udara, seseorang pemegang lesen atau permit mana-mana pengangkutan awam darat, laut atau udara untuk membawa penumpang hendaklah memastikan pengangkutan awam yang berhubungan dengan lesen atau permitnya membawa bilangan penumpang mengikut arahan Ketua Pengarah yang dikeluarkan di bawah peraturan 12.

Kehendak untuk menjalani pemeriksaan kesihatan apabila tiba di Malaysia

9. (1) Pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan mana-mana warganegara, pemastautin tetap Malaysia, ekspatriat atau kor diplomatik, atau mana-mana orang asing lain yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah Imigresen, yang memasuki Malaysia dari luar negara untuk menjalani pemeriksaan kesihatan apabila tiba di Malaysia di mana-mana pintu masuk sebelum mendapatkan pelepasan imigresen, atau di mana-mana tempat lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mematuhi apa-apa arahan seseorang pegawai diberi kuasa.

(3) Jika mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (1) diarahkan oleh pegawai diberi kuasa untuk menjalani kuarantin di mana-mana tempat, orang itu hendaklah memakai gelang tangan yang disediakan oleh pegawai diberi kuasa.

Kehendak bagi majikan untuk menyebabkan pekerja asingnya menjalani ujian pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)

10. (1) Bagi maksud untuk mencegah dan mengawal merebaknya Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) di tempat kerja, seseorang pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan majikan yang mengambil kerja seseorang pekerja asing supaya menyebabkan pekerja asing itu menjalani ujian pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), dan majikan itu hendaklah menanggung fi, kos dan caj bagi ujian itu.

(2) Bagi maksud peraturan ini, “pekerja asing” ertinya pemegang Pas Lawatan (Kerja Sementara) yang dikeluarkan di bawah peraturan 11 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [*F.L.N. 228/1963*].

Permintaan maklumat

11. Seseorang pegawai diberi kuasa boleh meminta apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit daripada mana-mana orang atau kumpulan orang.

Arahan Ketua Pengarah

12. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan apa-apa arahan mengikut apa-apa cara, sama ada secara am atau khusus, kepada mana-mana orang atau kumpulan orang supaya mengambil apa-apa langkah bagi maksud mencegah dan mengawal apa-apa penyakit berjangkit termasuk apa-apa arahan kepada mana-mana orang atau kumpulan orang yang melakukan, menganjurkan, mengusahakan, atau yang selainnya terlibat dalam, apa-apa aktiviti selain aktiviti terlarang yang dinyatakan dalam Jadual.

Kesalahan

13. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana arahan Ketua Pengarah atau seseorang pegawai diberi kuasa melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Jika mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini ialah suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain, seseorang yang pada masa melakukan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pegawai pematuhan, pekongsi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat itu atau yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau membantu dalam pengurusannya—

(a) boleh dipertuduh secara berasingan atau berse sama dalam prosiding yang sama bersekali dengan syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu; dan

(b) jika syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu didapati bersalah atas kesalahan itu,

hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama sebagaimana seorang individu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—

- (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya; dan
- (ii) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

Peruntukan kecualian

14. Apa-apa arahan Ketua Pengarah yang dikeluarkan atau disifatkan telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 8) 2020 [*P.U. (A) 254/2020*] hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini dan hendaklah terus kekal berkuat kuasa melainkan jika dibatalkan oleh Ketua Pengarah.

JADUAL AKTIVITI TERLARANG [Peraturan 3]

- 1. Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia kecuali pelancong asing daripada negara sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri
- 2. Aktiviti di dalam pub dan kelab malam, kecuali perniagaan restoran di dalam pub dan kelab malam

3. Apa-apa aktiviti dengan kehadiran yang ramai di suatu tempat sehingga menyukarkan untuk melaksanakan penjarakan sosial dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah

Dibuat 31 Disember 2020

[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/IV]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES ACT 1988

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES
(MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS) (NO. 9) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by subsection 11(2) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [*Act 342*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 9) Regulations 2020**.

(2) These Regulations have effect for the period from 1 January 2021 to 31 March 2021.

Application

2. These Regulations shall apply to infected local areas declared under the Prevention and Control of Infectious Diseases (Declaration of Infected Local Areas) Order 2020 [*P.U. (A) 87/2020*] as extended from time to time.

Prohibited activity

3. No person shall carry out, organize, undertake or otherwise be involved in, any prohibited activity as specified in the Schedule.

Movement and activity in place that is subject to conditional movement control order

4. (1) An authorized officer may issue any directions in relation to movement and activities of any person in a place that is subject to a conditional movement control order.

(2) For the purposes of subregulation (1), “conditional movement control order” refers to directions given by an authorized officer under subsection 11(3) of the Act.

Prohibition on movement to place that is subject to enhanced movement control order

5. (1) No person shall enter into or exit from a place that is subject to an enhanced movement control order except any person who is providing healthcare and medical services or is given permission by an authorized officer.

(2) For the purposes of subregulation (1), “enhanced movement control order” refers to directions given by an authorized officer under subsection 11(3) of the Act.

Prohibition on procession

6. No person shall in any way participate or be involved in any procession.

Control of gathering

7. A person may gather or be involved in a gathering including congregate to perform prayers at any place of worship of his religion subject to such directions of the Director General issued under regulation 12.

Public transport

8. Notwithstanding the total maximum capacity of the number of passengers that may be carried on board any land, sea or air public transport, a holder of any land, sea or air public transport licence or permit to carry passengers shall ensure that the public transport relating to his licence or permit carries such number of passengers according to the directions of the Director General issued under regulation 12.

Requirement to undergo health examination upon arrival in Malaysia

9. (1) An authorized officer may direct any citizen, permanent resident of Malaysia, expatriate or diplomatic corps, or any other foreigner permitted by the Director General of Immigration, entering Malaysia from overseas to undergo health examination upon arrival in Malaysia at any point of entry before proceeding for immigration clearance, or at any other place determined by the Director General.

(2) Any person referred to in subregulation (1) shall comply with any directions of an authorized officer.

(3) Where any person referred to in subregulation (1) is directed by the authorized officer to undergo quarantine at any place, the person shall wear a wristband provided by the authorized officer.

Requirement for employer to cause his foreign employee to undergo Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) detection test

10. (1) For the purpose of preventing and controlling the spread of the Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) at work place, an authorized officer may direct any employer who employs a foreign employee to cause the foreign employee to undergo Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) detection test, and the employer shall pay the fee, cost or charges for the test.

(2) For the purposes of this regulation, “foreign employee” means a holder of a Visit Pass (Temporary Employment) issued under regulation 11 of the Immigration Regulations 1963 [*F.L.N. 228/1963*].

Request for information

11. An authorized officer may request for any information relating to the prevention and control of infectious disease from any person or body of persons.

Directions of Director General

12. The Director General may issue any directions in any manner, whether generally or specifically, to any person or group of persons to take such measures for the purpose of preventing and controlling any infectious disease including any directions to any person or group of persons carrying out, organizing, undertaking, or who is otherwise involved in, any activity other than a prohibited activity as specified in the Schedule.

Offence

13. (1) Any person who contravenes any provision of these Regulations or any directions of the Director General or an authorized officer commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

(2) Where any person who commits an offence under these Regulations is a company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons, a person who at the time of the commission of the offence was a director, compliance officer, partner, manager, secretary or other similar officer of the company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons or was purporting to act in the capacity or was in any manner or to any extent responsible for the management of any of the affairs of the company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons or was assisting in its management—

- (a) may be charged severally or jointly in the same proceedings with the company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons; and
- (b) if the company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons is found guilty of the offence, shall be deemed to be guilty of that offence and shall be liable to the same punishment or penalty as an individual unless, having regard to the nature of his functions in that capacity and to all circumstances, he proves—
 - (i) that the offence was committed without his knowledge; and
 - (ii) that the offence was committed without his consent or connivance and that he had taken all reasonable precautions and exercised due diligence to prevent the commission of the offence.

Savings provision

14. Any directions of the Director General issued or deemed to have been issued under the Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 8) Regulations 2020 [*P. U. (A) 254/2020*] shall be deemed to have been made under these Regulations and shall continue to remain in force unless revoked by the Director General.

SCHEDULE
PROHIBITED ACTIVITY
[Regulation 3]

1. Outbound tour activities by a citizen and inbound tour activities involving foreign tourists entering Malaysia except foreign tourists from countries as specified by the Minister
2. Activities in pubs and night clubs, except restaurant business in pubs and night clubs
3. Any activity with many people in attendance at a place making it difficult to carry out social distancing and to comply with the directions of the Director General

Made 31 December 2020
[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/IV]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Minister of Health

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
BAGI FASILITI KESIHATAN SWASTA**

**PROGRAM SARINGAN COVID-19 BAGI
PEKERJA ASING MENGGUNAKAN KAEDAH
RTK ANTIGEN**



2021

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM SARINGAN COVID-19 BAGI PEKERJA ASING MENGUNAKAN KAEDAH RTK ANTIGEN BAGI FASILITI KESIHATAN SWASTA

1. LATAR BELAKANG

Kerajaan telah mengarahkan saringan COVID-19 untuk pekerja asing bermula 1 Disember 2020. Untuk tujuan tersebut PERKESO telah melaksanakan Program Saringan COVID-19 bagi Pekerja Asing bermula dengan mereka yang bekerja di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Sabah yang telah diisytiharkan sebagai Kawasan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. Berikutan peningkatan mendadak kes COVID-19 di seluruh negara, Kerajaan telah mengisytiharkan semula Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara pada 13 Januari 2021 dan telah mengumumkan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (Permai) pada 18 Januari 2021 yang juga merangkumi strategi saringan kesihatan pekerja. Sehubungan itu, PERKESO telah memperluaskan Program Saringan COVID-19 ini ke seluruh negara bermula 2 Februari 2021.

Program Saringan ini akan melibatkan fasiliti klinik dan hospital swasta yang telah berdaftar sebagai panel Health Screening Program (HSP) PERKESO dan telah mengemukakan *Self-Declaration* kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di negeri-negeri yang berkenaan. PERKESO akan membekalkan RTK-Ag yang telah diluluskan KKM dan kit ujian ini akan dibiayai oleh PERKESO bagi pencarum sahaja. Majikan hanya perlu menanggung kos perkhidmatan yang dikenakan oleh fasiliti kesihatan swasta.

Program ini diwajibkan bagi semua pekerja asing yang mencarum dengan PERKESO dan hanya terpakai bagi pekerja asing yang memegang Pas Lawatan (Kerja Sementara) sahaja. Ekspatriat adalah terkecuali daripada program ini. Walau bagaimanapun, ekspatriat masih boleh menjalani saringan di bawah Program ini.

Bagi pekerja asing yang bukan pencarum, kos saringan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan dan RTK-Ag tidak dibekalkan oleh pihak PERKESO. Peraturan ini hanya terpakai bagi pekerja asing yang memegang Pas Lawatan (Kerja Sementara) sahaja.

2. PENDAFTARAN PANEL

- 2.1. Pra-syarat sebelum menjadi panel program saringan pekerja asing.
 - 2.1.1. Berdaftar sebagai panel HSP PERKESO.
 - 2.1.1.1. Layari portal SeHAT PERKESO di sehat.perkeso.gov.my untuk mendaftar.
 - 2.1.2. Telah membuat *Self-Declaration* di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.
 - 2.1.2.1. Rujuk arahan Am Menteri Kesihatan, Bilangan 2 Tahun 2020.

- 2.2. Selepas keperluan mendaftar telah dipenuhi, log masuk ke Portal SeHAT dan panel perlu mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan saringan RTK-Ag kepada pekerja asing di bawah PERKESO.
- 2.3. *Access Key* akan diberi untuk kebenaran log masuk ke portal PSPA.
- 2.4. Emel dari SIMKA akan dihantar kepada panel yang belum berdaftar dalam portal SIMKA. Panel perlu mengemaskini butiran yang diperlukan oleh SIMKA.
- 2.5. Proses pendaftaran selesai. Pelaksanaan aktiviti saringan RTK-Ag kepada pekerja asing akan dibuat melalui Portal PSPA termasuk proses tempahan kit ujian dan proses perekodan keputusan ujian saringan.

3. PORTAL PSPA

3.1. Tempahan RTK-Ag

- 3.1.1. Panel perlu membuat tempahan RTK-Ag melalui portal PSPA.
- 3.1.2. Panel perlu memperincikan maklumat ujian saringan seperti di bawah sebagai justifikasi kepada bilangan tempahan RTK-Ag yang dipohon.
- 3.1.2.1. **Tarikh ujian** saringan bakal dijalankan.
- 3.1.2.2. **Lokasi ujian** saringan
- 3.1.2.3. **Jumlah pekerja** yang akan disaring
- 3.1.2.4. **Majikan** yang terlibat
- 3.1.3. PERKESO hanya akan meluluskan tempahan yang disertakan dengan justifikasi seperti di atas.
- 3.1.4. Sebarang **perancangan dan pelaksanaan ujian saringan di premis majikan perlu dimaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)** terdekat bagi pengurusan lanjut kes-kes positif oleh pihak KKM.

3.2. Penerimaan atau Pengambilan kit

3.2.1. **Negeri Selangor, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya dan Negeri Sembilan.**

- 3.2.1.1. Bagi tempahan RTK-Ag yang dibuat di negeri Selangor, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya dan Negeri Sembilan, penghantaran kit akan diuruskan oleh pembekal perkhidmatan yang dilantik PERKESO ke fasiliti panel swasta yang memohon.
- 3.2.1.2. Tempoh anggaran penghantaran RTK-Ag adalah seperti berikut:
- Lembah Klang: 1 – 3 hari
 - Selangor & Negeri Sembilan: 3 – 5 hari.
- 3.2.1.3. Panel perlu menandatangani dan mengecop *Delivery Order (DO)* bagi mengesahkan kuantiti unit yang diterima.
- 3.2.1.4. Pengesahan penerimaan juga perlu dibuat menerusi sistem bagi memastikan proses pembekalan akan datang tidak terjejas

3.2.2. Negeri-negeri lain.

- 3.2.2.1. Semak status permohonan yang diluluskan dan **screenshot paparan kelulusan** untuk tujuan pengesahan sewaktu pengambilan.
- 3.2.2.2. Sila hubungi Pejabat PERKESO yang berhampiran anda seperti di Lampiran 1 bagi menetapkan tarikh dan masa pengambilan kit. Pengambilan kit tanpa temu janji tidak akan diterima. Senarai pejabat PERKESO yang bertindak sebagai pusat pengambilan kit bergantung kepada jumlah pekerja asing di dalam daerah yang berkenaan
- 3.2.2.3. Hadirkan diri ke pejabat PERKESO yang telah dipilih dengan membawa **screenshot** kelulusan dan cop rasmi klinik panel untuk pengambilan kit.
- 3.2.2.4. Di Pejabat PERKESO, wakil panel klinik perlu mengesahkan kuantiti kit yang diterima dan mengisi butiran serta mengecop di dalam **Borang Pengesahan Penerimaan Kit**.
- 3.2.2.5. Pengesahan penerimaan juga perlu dibuat menerusi sistem bagi memastikan proses pembekalan akan datang tidak terjejas.

3.3. Perekodan Keputusan Ujian RTK-Ag

- 3.3.1. Carian Nombor Keselamatan Sosial Pekerja Asing (KSPA)
 - 3.3.1.1. Panel perlu memasukkan Nombor KSPA / Passport.
 - 3.3.1.2. Profil pekerja akan dipaparkan dan panel perlu memasukkan butiran keputusan.
- 3.3.2. Bagi pekerja yang mempunyai alamat operasi yang berlainan dengan alamat perusahaan, panel wajib memasukkan alamat operasi yang bertepatan ke dalam sistem.
- 3.3.3. Sekiranya profil pekerja tidak dijumpai di dalam Portal PSPA ini bermaksud pekerja tersebut tidak mencarum dengan PERKESO dan tidak layak disaring di bawah program ini. Pekerja asing tersebut hendaklah merujuk kembali kepada majikan untuk dicarumkan di bawah perlindungan PERKESO.
- 3.3.4. Walaubagaimanapun sekiranya pihak majikan masih ingin meneruskan ujian saringan RTK-Ag seperti yang ditawarkan oleh fasiliti kesihatan swasta tersebut, di bawah tanggungan majikan sepenuhnya, panel masih perlu membuat pendaftaran lengkap di dalam Portal PSPA bagi tujuan perekodan.
- 3.3.5. Keputusan yang dimasukkan ke dalam Portal PSPA akan direkodkan secara langsung ke dalam SIMKA melalui integrasi sistem.
- 3.3.6. Maklumat ujian dan keputusan boleh dimuat turun melalui Portal PSPA.

CARTA ALIR PERLAKSANAAN SARINGAN RTK-Ag PEKERJA ASING PERKESO

